

Pelepasan hukuman gantung satu pengajaran — Mohd. Noor

UM 11 MAR 2002

PULAU PINANG 10 Mac — Ketua UMNO Bahagian Jelutong, Mohd. Noor Hussain, yang digantung jawatannya satu penggal sejak tahun lepas, hari ini menyifatkan pelepasan daripada hukuman itu telah memberinya pengajaran yang amat bermakna dalam kerjaya politiknya.

Beliau berkata, pengumuman Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Majlis Tertinggi (MT) bersetuju membatalkan hukuman disiplin terhadap tujuh daripada pemimpin parti itu, benar-benar melegakannya.

Mohd. Noor ketika dihubungi memberitahu, beliau hanya mendapat tahu tentang pembatalan itu menerusi laporan akhbar hari ini dan belum menerima makluman rasmi mengenainya.

"Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada Presiden parti dan barisan anggota MT UMNO.

"Begitu juga dengan keperca-

yaan Timbalan beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Dr. Hilmi Yahaya mengenai perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar hari ini mengenai pembatalan hukuman ke atas tujuh daripada 27 ahli parti yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin UMNO kerana melanggar peraturan parti termasuk terbabit dalam politik wang pada pemilihan bahagian tahun lepas.

Menurut Mohd. Nor, beliau akan menumpukan terhadap usaha menyatupadukan seluruh ahli di Bahagian Jelutong selepas ini menerusi penglibatan cawangan-cawangan secara menyeluruh.

"Keputusan MT adalah satu perkara yang adil dan tepat, saya akan mencuba sedaya upaya untuk menyusun cawangan dan memberikan tumpuan terhadap perpaduan," katanya.